



اَوْنِيُوْرَسِيْتِيْ بِاْتِيَكْنُوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN GERAN INSENTIF PENYELIAAN (GIP) (Pindaan 2024)

Unit Perolehan Geran (UPG)
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8257/8259
Faks : (+603) 5544 8280



Jabatan
Penyelidikan
& Inovasi

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	M/S
Falsafah, Visi dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Insentif Penyeliaan (GIP)	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan dan Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	4
4.0 Peraturan Kewangan	6
5.0 Peraturan Permohonan	6
6.0 Penilaian Geran	6
7.0 Pemantauan Penyelidikan	6
8.0 Keberhasilan Penyelidikan	7
9.0 Lampiran A	8

FALSAFAH, VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FALSAFAH

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan.

MISI

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN INSENTIF PENYELIAAN

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Geran Insentif Penyeliaan (GIP) diwujudkan untuk membantu pelajar pascasiswazah (mod penyelidikan) dengan menyediakan bantuan kewangan untuk elaun dan keperluan penyelidikan dalam tempoh pengajian bagi menyemarakkan pengajian pascasiswazah di Universiti Teknologi MARA (UiTM) selaras dengan aspirasi *Globally Renowned University* (GRU) 2025, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Malaysia MADANI.
- 1.2. Tujuan geran ini adalah untuk membangunkan sumber manusia serta memberi kesan kepada masyarakat melalui aktiviti penyelidikan. Ia melengkapi usaha-usaha yang diperkenalkan oleh UiTM untuk meningkatkan prestasi penyelidikan UiTM.
- 1.3. Geran ini hanya sebagai geran pemulaan bagi pembiayaan pelajar, walaubagaimanapun pemohon digalakkan memohon geran nasional/ swasta/ atarabangsa untuk kelansungan penyelidikan.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

- 2.1. Jumlah peruntukan maksimum projek adalah seperti berikut:
 - i. Kedoktoran : RM24,000.00 (RM2,000.00 sebulan)
 - ii. Sarjana : RM21,600.00 (RM1,800.00 sebulan)
- 2.2. Tempoh peruntukan adalah dua belas (12) bulan bagi setiap permohonan tertakluk kepada semakan selepas tiga (3) bulan pertama kelulusan peruntukan.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1. Ketua Penyelidik mestilah ahli akademik tetap/kontrak di UiTM.
- 3.2. Ketua Penyelidik mestilah merupakan Penyelia Utama dan hanya boleh memohon bagi satu (1) pelajar pasca siswazah (mod penyelidikan) sahaja.
- 3.3. Permohonan terhad kepada satu (1) permohonan sahaja dalam tempoh pembukaan yang sama.

- 3.4. Merupakan penyelia kepada pelajar pascasiswazah seperti berikut:
- i. Pelajar merupakan warganegara Malaysia.
 - ii. Pelajar **telah mendaftarkan diri** sebagai pelajar sepenuh masa di bawah mod penyelidikan program kedoktoran atau sarjana.
 - iii. Menyertakan surat pengesahan pendaftaran pengajian yang dikeluarkan oleh fakulti / PTJ masing-masing yang mengandungi maklumat penyeliaan.
 - iv. Pelajar hanya boleh dibiaya sekali sahaja bagi setiap jenis pengajian.
- 3.5. Sekiranya permohonan berjaya, pelajar akan menandatangani perjanjian bersama pihak RMC yang disaksikan oleh penyelia utama. Sekiranya pelajar menarik diri (berhenti sebagai pelajar UiTM) semasa geran aktif, secara automatik geran akan terbatal dan pelajar perlu membayar semula mengikut jumlah sebenar. Penyelia bertanggungjawab memaklumkan kepada pihak RMC dengan segera atau dikenakan tindakan penalti.
- 3.6. Sekiranya pelajar dinaikkan taraf dari Sarjana ke PhD antara tempoh permohonan sehingga kelulusan permohonan, penambahan peruntukan adalah tertakluk kepada peruntukan semasa. Penyelia bertanggungjawab memohon kepada pihak RMC dengan segera.
- 3.7. Tidak menerima sebarang biasiswa atau bantuan kewangan daripada mana-mana organisasi untuk membiayai pengajian. Sekiranya pelajar mendapat tawaran pembiayaan daripada mana-mana pihak semasa dalam tempoh penawaran, geran ini akan terbatal. Pelajar dan penyelia bertanggungjawab memaklumkan kepada pihak RMC dengan segera atau dikenakan tindakan penalti.
- 3.8. Staf akademik yang cuti belajar / cuti sabbatical tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik.
- 3.9. Tiada lantikan ahli bersama semasa permohonan dan dalam tempoh geran aktif.
- 3.10. Ketua Penyelidik mestilah menyumbang minima RM20.00 sebulan kepada Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi Universiti (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan. Pihak RMC berhak untuk menamatkan geran yang telah ditawarkan sekiranya ketua penyelidik didapati tidak menyambung pemotongan TAPIU sepanjang geran aktif.
- 3.11. Keanggotaan ketua daripada kalangan Entiti Kecemerlangan UiTM yang melibatkan bidang S&T dan SS adalah digalakkan.
- 3.12. Ketua Penyelidik hendaklah mengenalpasti dan memilih kementerian yang berkaitan dengan projek yang ingin dijalankan sebagai pelaksana hasil kajian penyelidikan (*end user*) (termasuk agensi seperti di Lampiran A).

Kementerian serta agensi yang telah dikenalpasti perlulah dinyatakan di bahagian *Executive Summary* kertas cadangan.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1. Perbelanjaan projek adalah dihadkan kepada Vot11000 untuk bayaran Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (*Graduate Research Assistant - GRA*).
- 4.2. Bayaran Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA) tidak melebihi RM1,800.00 sebulan bagi pelajar sarjana dan RM2,000.00 sebulan bagi pelajar kedoktoran. Peruntukan untuk pembayaran Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA) mestilah dimasukkan di dalam Vot11000 dengan jumlah maksimum RM21,600.00 bagi pelajar sarjana dan RM24,000.00 bagi pelajar kedoktoran untuk setahun.
- 4.3. Pembantu Penyelidik Pascasiswazah yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.4. Permohonan Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA) perlu dibuat melalui sistem atas talian *Portal for Research and Innovation Management (PRIME)* <https://prime.uitm.edu.my>.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

Permohonan geran penyelidikan ini perlu dilakukan melalui sistem atas talian *Portal for Research and Innovation Management (PRIME)* <https://prime.uitm.edu.my>.

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1. Permohonan GIP akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPi.
- 6.2. Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat TNCPi kepada Ketua Penyelidik dan Ketua Jabatan.
- 6.3. Ketua Penyelidik perlu menandatangani borang penerimaan yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 7.1. Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

- 7.2. Penyelidik WAJIB menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem pengurusan penyelidikan atas talian (PRIME).
- 7.3. Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia / Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama Laporan Prestasi pertama (6 bulan).
- 7.4. Kumpulan Penyelidik perlu mengikut perancangan penyelidikan dan tempoh di carta perbatuan seperti yang telah dipersetujui semasa permohonan geran. Semakan akan dibuat berdasarkan Laporan Prestasi.
- 7.5. Kegagalan memenuhi perkara 7.2 hingga 7.4 di atas (tanpa justifikasi kukuh) boleh menyebabkan amaran atau geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 7.6. Sekiranya perlu, Ketua Penyelidik perlu memohon pelanjutan secara atas talian melalui sistem PRIME sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sebelum tarikh geran tamat. Perancangan semula penyelidikan harus disertakan bersama permohonan.
- 7.7. Permohonan pertukaran dan penambahan ahli juga dilakukan secara atas talian (PRIME) dengan keperluan justifikasi yang kukuh dan hanya boleh dilakukan di dalam tempoh **enam (6) bulan** pertama projek berlangsung.
- 7.8. Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 7.9. Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.
- 7.10. Kumpulan penyelidik juga mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data serta *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research* 2017.

8.0 KEBERHASILAN PENYELIDIKAN

- 8.1 Menghasilkan seorang (1) pelajar Ph.D atau Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant – GRA*)
- 8.2 Penyelidik mesti menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) jurnal berindeks SCOPUS / WoS sebagai *corresponding author/ sole author* / penulis utama dengan menyatakan afiliasi Universiti Teknologi MARA.
- 8.3 Penghargaan kepada Geran GIP dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

Penerima geran digalakkan untuk memohon geran-geran di peringkat Nasional / Swasta / Antarabangsa.

SENARAI KEMENTERIAN DAN AGENSI

No	AGENSI	
1.	Jabatan Perdana Menteri (Prime Minister's Department)	JPM
2.	Kementerian Dalam Negeri (Ministry of Home Affairs)	KDN
3.	Kementerian Kewangan (Ministry of Finance)	MOF
4.	Kementerian Pertahanan (Ministry of Defence)	MINDEF
5.	Kementerian Pendidikan (Ministry of Education)	KPM
6.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (Ministry of Rural and Regional Development)	KKDW
7.	Kementerian Pendidikan Tinggi (Ministry of Higher Education)	KPT
8.	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (Ministry of Local Government Development)	KPKT
9.	Kementerian Pengangkutan (Ministry of Transport)	MOT
10.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Ministry of Agriculture and Food Security)	MAFS
11.	Kementerian Sumber Manusia (Ministry of Human Resources)	KSM
12.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Ministry of Women, Family and Community Development)	KPWKM
13.	Kementerian Kesihatan Malaysia (Ministry of Health)	KKM
14.	Kementerian Belia dan Sukan (Ministry of Youth and Sports)	KBS
15.	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development)	KUSKOP
16.	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change)	KASA
17.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Ministry of Domestic Trade and Cost of Living)	KPDN
18.	Kementerian Luar Negeri Malaysia (Ministry of Foreign Affairs Malaysia)	KLN
19.	Kementerian Perladangan dan Komoditi (Ministry of Plantation and Commodities)	MPIC
20.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Ministry of Science, Technology and Innovation of Malaysia)	MOSTI
21.	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Ministry Investment, Trade and Industry)	MITI
22.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Ministry of Tourism, Arts and Culture)	MOTAC
23.	Kementerian Kerja Raya (Ministry of Works)	KKR
24.	Kementerian Perpaduan Negara (Ministry of National Unity)	KPN
25.	Kementerian Komunikasi dan Digital (Ministry of Communication and Digital)	KKMM